

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002**  
**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN X - AM**

---

**Seksyen 135. Kuasa bagi membuat kaedah-kaedah.**

(1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah untuk mengawal amalan dan tatacara dalam semua prosiding hal ehwal suami isteri di bawah Enakmen ini sebagaimana yang difikirkannya bermanfaat dan kaedah-kaedah untuk menetap dan mengawal selia fi dan kos yang kena dibayar dalam semua prosiding itu; tertakluk kepadanya, semua perbicaraan di bawah Enakmen ini hendaklah dikawal selia oleh amalan dan tatacara Mahkamah yang ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran, setakat amalan dan tatacara itu tidak bertentangan dengan Enakmen ini.

(2) Mengenai perkara amalan dan tatacara dalam prosiding hal ehwal suami isteri yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini atau dalam apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini atau dalam Enakmen Pentadbiran, Mahkamah boleh menerima pakai apa-apa amalan dan tatacara yang difikirkannya wajar bagi mengelakkan ketidakadilan dan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan antara pihak-pihak.

(3) Yang di-Pertua Agong, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi maksud Enakmen ini dan, tanpa menyentuh keluasan yang disebut terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan-peruntukan bagi-

(a) cara bagaimana Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, dan *Ruju'* Orang Islam hendaklah menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Enakmen ini;

(b) bentuk Daftar-Daftar Perkahwinan, Perceraian, dan *Ruju'* dan perakuan nikah, perceraian, dan *ruju'* dan cara bagaimana Daftar-Daftar dan perakuan-perakuan itu dikehendaki disimpan;

(c) membekal dan menyimpan dengan selamat Daftar-Daftar Perkahwinan, Perceraian, dan *Ruju'*, buku nota Pendaftar, dan segala akuan yang dibuat bagi maksud Enakmen ini;

(d) menyediakan dan mengemukakan penyata-penyata perkahwinan, perceraian dan *ruju'* yang didaftarkan di bawah Enakmen ini;

(e) bentuk apa-apa perakuan, notis atau dokumen lain yang dikehendaki bagi maksud melaksanakan Enakmen ini;

(f) membuat pencarian-pencarian dan memberi salinan-salinan yang diperakui;

(g) fi yang boleh dikenakan bagi maksud-maksud Enakmen ini;

(h) hukuman-hukuman kerana melanggar atau tidak mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini; dan

(i) perkara lain bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

---